



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 29 OKTOBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **685 kes**. Sukacita dimaklumkan juga bahawa jumlah ini adalah melebihi jumlah kes COVID-19 baharu yang dilaporkan hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **19,757 kes** (65.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Sabah (458 kes);
- Selangor (94 kes);
- Kedah (68 kes);
- Labuan (18 kes);
- Negeri Sembilan (15 kes);
- Pulau Pinang (13 kes);
- Melaka (9 kes);
- Sarawak (4 kes);
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (4 kes); dan
- Johor (2 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Dimaklumkan pada hari ini, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 352 kes (54.2 peratus) dan negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 159 kes (24.5 peratus) daripada jumlah keseluruhan kes. Keempat-empat negeri ini telah menyumbang sebanyak 511 kes (78.7 peratus) daripada jumlah harian kes positif COVID-19 secara keseluruhan. Kesemua negeri-negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Untuk makluman juga, sebanyak 36 kes (5.5 peratus daripada jumlah keseluruhan) yang berkaitan kluster-kluster penjara dilaporkan pada hari ini iaitu 34 kes daripada Kluster Tembok dan dua (2) kes daripada Kluster Penjara Reman.

Secara keseluruhannya, sehingga 29 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **649 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **30,090 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 10,087 kes**.

Ingin dimaklumkan daripada 649 kes baharu pada hari ini, terdapat tujuh (7) kes import yang mendapat **jangkitan dari luar negara** yang melibatkan dua (2) warganegara dan lima (5) bukan warganegara yang tiba dari negara:

- Indonesia (5 kes);
- India (1 kes); dan
- Filipina (1 kes).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 352 kes**

- 55 kes daripada kluster-kluster, termasuk 11 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sakti** dan **Kluster Tuguson**;
- 170 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 127 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 132 kes**

- 70 kes daripada kluster-kluster, termasuk enam (6) kes dari kluster baharu iaitu **Kluster Taman Laut** dan **Kluster Bah Medan**;
- 41 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 21 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan : 43 kes**

- 36 kes daripada kluster-kluster, termasuk 16 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Taman Bunga**;
- Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah : 37 kes** daripada kluster-kluster sedia ada.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 21 kes**

- 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Satu (1) daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan** : 17 kes
 - 15 kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Pulau Pinang** : 13 kes
 - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor** : 10 kes
 - Sembilan (9) kes daripada kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak** : Lapan (8) kes
 - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak** : Lima (5) kes
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang** : Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka** : Satu (1) kes daripada kluster sedia ada.
- **Terengganu** : Satu (1) kes daripada kluster sedia ada.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya** : Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **106 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **23 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak 246 kes (0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

LIMA (5) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **lima (5) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1) KLUSTER SAKTI

Kluster baharu ini melibatkan daerah Lahad Datu di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-12995) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di tempat kerja pada 5 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 17 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Lahad Datu.

Sehingga 29 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 154 individu telah disaring, di mana:

- 18 kes dikesan positif COVID-19 (**7 kes baharu**);
- 101 individu dikesan negatif; dan
- 35 individu masih menunggu keputusan.

2) KLUSTER TUGUSON

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Belud, negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-19066) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 15 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Kota Belud. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 17 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 29 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 146 individu telah disaring, di mana:

- 18 kes dikesan positif COVID-19 (**4 kes baharu**); dan
- 128 individu masih menunggu keputusan.

3) KLUSTER BAH MEDAN

Kluster baharu ini melibatkan daerah Sepang di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-12112) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) pada 3 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 19 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 29 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 52 individu telah disaring, di mana:

- 20 kes dikesan positif COVID-19 (**4 kes baharu**); dan
- 32 individu masih menunggu keputusan.

4) KLUSTER TAMAN LAUT

Kluster baharu ini melibatkan daerah Petaling di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-25431) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 21 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak lima (5) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 29 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 123 individu telah disaring, di mana:

- Enam (6) kes dikesan positif COVID-19 (**2 kes baharu**);
- 18 individu dikesan negatif; dan
- 99 individu masih menunggu keputusan.

5) KLUSTER TAMAN BUNGA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Seremban, Kuala Pilah dan Jelebu di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-27711) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 25 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Tuanku Ja'afar. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 22 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 29 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 55 individu telah disaring, di mana:

- 23 kes dikesan positif COVID-19 (**16 kes baharu**);
- 25 individu dikesan negatif; dan
- Tujuh (7) individu masih menunggu keputusan.

PEMBUKAAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 BERISIKO RENDAH (PKRC) KEDUA DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Wilayah Persekutuan (WP) Labuan telah mencatatkan peningkatan kes COVID-19 mulai 27 September 2020 yang lalu. Sejak daripada permulaan wabak COVID-19 sehingga 26 September 2020, WP Labuan hanya mencatatkan 26 kes secara kumulatif. Walau bagaimanapun, mulai 27 September sehingga 29 Oktober 2020, WP Labuan telah mencatatkan tambahan sejumlah 366 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan berjumlah 392 kes.

Susulan itu, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 17 Oktober 2020, dan kini dilanjutkan 14 hari lagi sehingga 13 November 2020.

Pola peningkatan kes COVID-19 di WP Labuan dijangkakan akan meningkat disebabkan oleh saringan bersasar secara besar-besaran yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan (JKWP) Labuan terutama di kawasan-kawasan berpotensi wabak dengan purata saringan adalah 1,500 ke 2,500 sehari. Jumlah sampel ujian RT-PCR yang telah diambil sejak 27 September 2020 adalah berjumlah 23,807. Kadar pengesanan kes untuk keseluruhan di WP Labuan adalah sekitar 1.5 peratus, manakala di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) pula, kadar pengesanan adalah sekitar 10 sehingga 15 peratus.

Untuk menampung kapasiti rawatan kes positif COVID-19 yang semakin meningkat di WP Labuan, JKWP Labuan telah meningkatkan kapasiti sedia ada melalui beberapa fasa pembukaan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) iaitu:

- **Fasa 1** (Januari – Mac 2020): Menjadikan rumah pelawat dan *wellness centre* sebagai PKRC dengan kapasiti 16 katil;
- **Fasa 2** (Mac – September 2020): Memaksimakan ruang di Hospital Labuan dengan tambahan 105 katil, menjadikan kapasiti katil COVID-19 meningkat kepada 121 katil; dan
- **Fasa 3** (September – Oktober 2020): Melibatkan rundingan penggunaan fasiliti luar iaitu Bahagian Teknologi Pendidikan sebagai PKRC yang berkapasiti 56 katil menjadikan jumlah keupayaan katil PKRC sebanyak 177 katil.

Disebabkan bilangan pesakit yang semakin bertambah, JKWP Labuan telah menyediakan PKRC di Dewan Perbadanan Labuan dengan kapasiti 140 katil, menjadikan jumlah keupayaan katil PKRC di WP Labuan sebanyak 317 katil. Pusat ini akan beroperasi sepenuhnya pada 29 Oktober 2020.

Bagi rawatan COVID-19 di Hospital Labuan pula, daripada 122 katil di Hospital Labuan, sebanyak 20 katil telah dikhususkan untuk pesakit kategori 4 dan 5, iaitu sebagai katil *High Dependency Unit* (HDU) dan Unit Rawatan Rapi (ICU) di Wad Kelas Pertama dan Wad Kanak-kanak. Baki sebanyak 102 lagi katil Hospital Labuan iaitu termasuk 5 katil ICU sedia ada akan terus digunakan untuk rawatan kes bukan COVID-19.

Ini sekaligus menjadikan kapasiti terkini katil untuk pesakit COVID-19 di WP Labuan meningkat kepada 337 katil, di mana jumlah katil di PKRC adalah 317 katil manakala katil untuk rawatan pesakit COVID-19 di Hospital Labuan adalah 20 katil.

Pembukaan PKRC di Dewan Perbadanan Labuan ini adalah hasil kerjasama semua pihak termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Labuan, dan agensi lain di WP Labuan termasuk *Taiwan Buddhist Tzu-Chi Foundation Malaysia*, Institut Latihan Perindustrian dan beberapa penyumbang lain yang menjadikan pusat rawatan ini dapat dibuka dalam tempoh 24 jam. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak atas pendekatan *The Whole of Government and Whole of Society Approach*.

Tenaga kerja bagi pusat rawatan baharu ini akan menggunakan sepenuhnya tenaga kerja di JKWP Labuan dan pasukan bantuan yang telah dihantar untuk bantuan di JKWP Labuan. Pasukan ini akan terus di pertingkatkan dari masa ke semasa untuk memastikan program Kawalan COVID-19 di WP Labuan berjalan lancar seperti yang telah dirancang.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (Crowded place)**, elakkan kawasan yang **sempit (Confined space)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (Close conversation)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

29 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 29 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	352	14,053
SELANGOR	135 (3)	4,495
W.P. KUALA LUMPUR	23 (2)	3,014
KEDAH	37	2,117
NEGERI SEMBILAN	43	1,559
PULAU PINANG	13	957
JOHOR	10	897
SARAWAK	10 (2)	856
PERAK	5	495
PAHANG	1	393
W.P. LABUAN	17	392
MELAKA	1	311
TERENGGANU	1	192
KELANTAN	0	179
W.P. PUTRAJAYA	1	142
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	649 (7)	30,090

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(29 Oktober 2020)**

Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian	
1	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	66	361	782	361 (0)	0	0
2	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Larut Matang & Selama	34	1,739	8,902	498 (1)	1,238	3
3	Titir	Sabah	Keningau	17	78	1,199	76 (0)	2	0
4	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kerian, Larut Matang & Selama	16	40	676	37 (0)	3	0
5	Saguking	WP Labuan	Labuan	15	191	2,983	161 (0)	29	1
6	Teduh	Sabah	Lahad Datu	12	34	2,484	21 (0)	13	0

7	Kempas	Johor	Johor Bahru, Kulai, Pontian	9	42	477	42 (1)	0	0
8	Mesra	Sabah	Sandakan	7	56	116	48 (0)	7	1
9	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Cheras, Titiwangsa, Seremban	6	104	2,159	96 (0)	8	0
10	Melati	WP Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Perak	Titiwangsa, Kepong, Cheras, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuantan, Bagan Datuk, Hilir Perak	4	69	309	60 (1)	9	0
11	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri	4	29	64	29 (0)	0	0
12	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	3	234	894	53 (0)	181	0
13	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai	3	58	737	21 (0)	37	0
14	Keladi	Selangor	Klang	3	39	344	8 (0)	31	0
15	Baki	Sarawak	Kuching	3	28	949	28 (0)	0	0

16	Palma	Selangor, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Selangor, Kepong	3	20	112	16 (0)	4	0
17	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	2	463	2,964	66 (0)	396	1
18	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Selangor, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	2	117	1,142	70 (1)	47	0
19	Tanamera	Sabah	Tawau	2	68	160	40 (0)	28	0
20	Cahaya	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Tampin, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong	2	44	323	37 (1)	7	0
21	Kertang	Sabah	Kota Belud	2	30	724	19 (0)	11	0
22	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran, Kota Kinabalu	1	381	3,277	146 (0)	233	2
23	Simera	Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak,	Besut, Kuantan, Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak, Port Dickson, Manjung, Hilir Perak, Johor Bahru, Lembah Pantai, Putrajaya, Tanah Merah	1	83	1,152	42 (0)	41	0

			Johor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Kelantan							
24	Menara	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Perak, Terengganu, Melaka	Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Sepang, Kuala Langat, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai, WP Putrajaya, Larut Matang & Selama, Kuala Nerus, Melaka Tengah	1	83	547	45 (0)	38	0	
25	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Klang, Seremban, Port Dickson	1	74	1,985	34 (0)	40	0	
26	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut Matang & Selama, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	1	53	1,041	24 (1)	29	0	

27	Makekar	Terengganu, Selangor	Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu, Marang, Klang	1	29	574	29 (0)	0	0
28	Merbok	Selangor	Kuala Langat, Klang, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor	1	28	764	11 (0)	17	0
29	Mentari	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Klang, Gombak, Seremban, Kepong	1	24	100	18 (0)	5	1
30	Omadal	Sabah	Semporna	1	22	193	22 (0)	0	0
31	Seri Gaya	Sabah	Kota Kinabalu, Tuaran	1	18	132	14 (0)	4	0
32	Bandaran	Sabah	Kota Kinabalu, Tuaran	1	14	72	14 (0)	0	0

LAMPIRAN 3







